



[cfa.vic.gov.au/languages](http://cfa.vic.gov.au/languages)

# **Bolehkah Saya Melancong atau Melakukan Perjalanan?**





## Tempoh Bahaya Kebakaran (Fire Danger Periods)

Anda boleh melakukan perjalanan dalam tempoh bahaya kebakaran (Fire Danger Period) tetapi pastikan anda menyemak keadaan cuaca dan risiko kebakaran terlebih dahulu:

- Sentiasa semak Tahap Bahaya Kebakaran (Fire Danger Ratings)
- Mungkin terdapat Larangan Penuh Melakukan Pembakaran (Total Fire Ban) di tempat yang akan anda kunjungi.
- Jika cuaca Melampau (Extreme) dan membawa Bencana (Catastrophic), fikirkan tentang keperluan menukar rancangan anda untuk mengelakkan kawasan berisiko kebakaran tinggi.

Anda boleh mengikuti perkembangan terkini:

- Simpan talian hotline Vic Emergency **1800 226 226** dalam telefon bimbit anda.
- Muat turun Aplikasi Vic Emergency.
- Hidupkan perkhidmatan lokasi dalam Aplikasi dan sediakan zon perhatian untuk tempat-tempat yang anda akan pergi.
- Dengar radio ABC atau radio tempatan semasa anda dalam perjalanan untuk mendengar amaran dan nasihat.
- Jangan sekali-kali bergantung kepada satu sumber sahaja untuk mendapatkan maklumat kecemasan terkini.

Terdapat banyak perkara-perkara lain yang perlu anda ketahui tentang perjalanan semasa musim kebakaran.

Lawati [cfa.vic.gov.au/languages](http://cfa.vic.gov.au/languages) untuk sumber maklumat lain.



## Keselamatan Kebakaran Belukar untuk Pekerja

Lawati modul e-pembelajaran dalam talian kami yang mempunyai lebih banyak maklumat mengenai perjalanan di Victoria semasa musim panas di [cfa.vic.gov.au/atrisk\\*](http://cfa.vic.gov.au/atrisk)

\* Modul e-pembelajaran dalam talian hanya terdapat dalam Bahasa Inggeris sahaja.



Imbas kod QR untuk mengetahui lebih lanjut.  
**Bersama-sama kita boleh kekal selamat  
daripada kebakaran.**